
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2010/2011

November 2010

YKT 211 – Teori dan Penyelidikan Komunikasi II

Masa: 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan **SATU (1)** adalah wajib.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

- 2 -

1. Terangkan **LIMA (5)** daripada pilihan berikut dengan contoh sesuai:
 - (a) Pembolehubah bebas dan pembolehubah terikat
 - (b) Konsep, konstruk dan pembolehubah
 - (c) Kesahan dan kebolehpercayaan
 - (d) Skala Likert dan Skala Guttman
 - (e) Ukuran ordinal dan ukuran nisbah
 - (f) Persampelan sistematik dan persampelan tersusun
 - (g) Logik deduktif dan Logik induktif
 - (h) Penyelidikan eksplorasi dan penyelidikan deskriptif
2. Anda ditugaskan untuk menjalankan satu kajian mengenai liputan berita dalam sekitar dalam akhbar arus perdana. Tempoh masa kajian ialah satu tahun. Jelaskan pendekatan yang akan digunakan, kaedah penyelidikan, saiz dan jenis sampel yang anda akan pilih untuk menjayakan projek ini.
3. Kaedah tinjauan melibatkan pengendalian soal selidik ke atas sampel terpilih. Bincangkan dua jenis kaedah tinjauan, proses pengendalian tinjauan melalui internet dan beberapa bentuk soalan yang boleh digunakan bagi tujuan ini.
4. Isu mengenai kesan dan pengaruh media sering menjadi topik kajian dalam kalangan sarjana komunikasi. Kenalpasti satu persoalan kajian dan jelaskan pernyataan masalah yang boleh dikaji secara empirikal, hipotesis yang boleh diuji, dan kaedah pengutipan data yang akan digunakan serta jelaskan kenapa anda memilih kaedah ini.
5. Bincangkan kaedah temubual secara mendalam dan kaedah pemerhatian. Pilih salah satu kaedah tersebut dan huraikan bagaimana ia dapat diaplikasikan dalam satu kajian etnografi.

- ooo O ooo -